

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : DALAM NEGERI

O | KHAMIS • 9 JANUARI 2025

(UTUSAN MALAYSIA M/S 8 D/NEGERI 9/1/2025 (KHAMIS))

Klinik swasta caj RM1,500 gugur kandungan janin

Oleh ASLINDA NASIR
aslinda.nasir@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Berselindung di sebalik nama ‘hospital ber-salin’, sebuah pusat perubatan di sekitar Ampang, dekat sini didapati menjalankan prosedur menggugurkan kandungan secara tidak sah.

Dengan hanya mengenakan bayaran RM1,500, klinik ini dikatakan telah beroperasi sejak 10 tahun lalu tanpa diketahui pihak berkuasa, malah menjadi ‘pilihan’ pesakit dalam kalangan wanita yang terdesak menggugurkan kandungan mereka sama ada sudah berkahwin atau di luar pernikahan.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, klinik tersebut dibuka pada pukul 10 pagi setiap hari dan hanya terdapat seorang pembantu klinik untuk melayani pesakit yang hadir selepas membuat janji temu terlebih dahulu.

Difahamkan, klinik tersebut mempunyai beberapa rangkaian cawangan lain yang beroperasi secara terbuka dan menerima pesakit mengikut janji temu yang dibuat.

Salah seorang ‘pesakit’ yang hanya muh dikenali sebagai Tina ketika ditemui memberitahu, dia tahu kewujudan klinik tersebut daripada rakannya dan muh menggugurkan kandungan yang berusia lapan minggu.

Luahnya, dia terpaksa mencari jalan pintas ke klinik tersebut kerana memahami undang-undang di Malaysia tidak membenarkan membuat sebarang pengguguran di mana-mana hospital atau klinik berdaftar.



Saya akan diberi pil terlebih dahulu dan perut akan rasa sakit dalam 30 minit. Jika ketulan darah tidak keluar selepas makan pil, barulah prosedur mengeluarkan janin dilakukan.”

TINA

“Saya benar-benar terdesak untuk menggugurkan kandungan ini sebab saya sudah ada enam orang anak dan tidak mampu lagi untuk menambah anak atas faktor kewangan.

“Sebab itu saya mencari tempat sebegini bagi menyelesaikan masalah saya. Ini kali kedua saya lakukan pengguguran kandungan di sini dan prosedur yang dilakukan berjaya dibuat,” katanya.

Menceritakan lanjut, Tina berkata, usia kandungan pesakit akan disahkan terlebih dahulu melalui imbasan pada sebelah pagi dan prosedur mengeluarkan janin akan dilakukan selepas pembayaran dibuat pada sebelah petang.

Dia difahamkan, doktor yang membuat prosedur itu bekerja di hospital lain dan hanya datang ke klinik terbatit jika ada pesakit yang ada janji temu.

“Saya akan diberi pil terlebih dahulu dan perut akan rasa sakit dalam 30 minit. Jika ketulan darah tidak keluar selepas makan pil, barulah prosedur mengeluarkan janin dilakukan,” katanya.

Seorang lagi pesakit yang dikenali Mira berkata, ketika dia hadir ke klinik tersebut, terdapat beberapa orang lagi wanita lain sedang menunggu giliran untuk melakukan prosedur sama.

“Kalau setiap pesakit dikenakan caj RM1,500, ini bermakna hampir RM5,000 setiap hari mereka mengaut keuntungan.

“Saya faham apa yang saya buat ini memang salah, saya percaya wanita di luar sana pun tahu perkara ini salah. Tetapi ramai yang diam sebab memikirkan hanya klinik ini mampu ‘selamatkan’ keadaan kami, walaupun kami tahu ada risiko yang perlu ditanggung apabila menggugurkan kandungan,” ujarnya.

Katanya, dia pernah diberitahu pembantu klinik di situ, caj yang dikenakan lebih mahal jika kandungan mereka lebih besar.

“Jika ada yang tidak mampu, pembantu klinik itu akan memberikan pilihan untuk pesakit.

“Namun, jika kandungan masih tidak gugur, pembantu tersebut akan menyarankan untuk membuat pembedahan kecil dengan menambah lagi baki bayaran dari pada jumlah RM1,500 mengambil pil yang bernilai RM400 bersekali suntikan untuk menggugurkan kandungan tersebut,” ujarnya.

Berdasarkan pencarian senarai klinik berdaftar di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), pusat perubatan tersebut tiada dalam rekod.

AKHBAR : BERITA HARIAN**MUKA SURAT : 14****RUANGAN : NASIONAL**

BERITA HARIAN M/S 14 NASIONAL 9/1/2025 (KHAMIS)

Pekerja bank dapat ganti rugi lebih RM850,000 kes kecuaian doktor

Kuala Lumpur: Seorang pekerja bank yang mengalami kecederaan lengan kanan diberikan ganti rugi lebih RM850,000 bagi kes saman kecuaian perubatan membabitkan dua doktor pakar.

Perintah memihak Fahmi Hata, 28, dikeluarkan Mahkamah Tinggi Klang pada 20 Disember lalu yang memutuskan ganti rugi RM200,000 kepada plaintif sebagai ganti rugi am untuk kesakitan dan penderitaan serta hilang upaya kerana kecederaan dialaminya bersifat kekal dan serius.

Dalam penghakiman bertulis, Hakim, Azmi Abdullah juga memutuskan ganti rugi teruk RM130,000, selain RM511,066.86 untuk perbelanjaan hospital dan perubatan dan RM10,000 bagi perjalanan serta perbelanjaan sampingan yang ditanggung, manakala RM10,000 bagi kos.

Dua doktor pakar bedah berkenaan bersetuju liabiliti diagihkan 65:35 di antara mereka dan turut membuat rayuan terhadap kuantum ganti rugi yang dikenakan.

Plaintif dirawat oleh defen-

dan, masing-masing pakar bedah ortopedik dan pakar bedah plastik berikutan kemalangan jalan raya 10 tahun lalu.

Fahmi pada mulanya turut menamakan Hospital Pakar KPJ Klang sebagai defendant bersama, tetapi menghentikan tindakan itu selepas hospital berkenaan bersetuju membayar ex-gratia RM20,000 tanpa pengakuan liabiliti.

Mengikut fakta kes, plaintif dalam perjalanan pulang dari tempat kerja ketika motosikal ditunggangnya terbabas, me-

nyebabkan lengan kanannya terlanggar rel besi di sepanjang jalan sebelum terjatuh ke dalam longkang.

Dia kemudian dibawa ke Hospital Serdang dan disahkan mengalami patah bahagian pangkal lengan serta patah dua tulang metakarpal.

Fahmi diberitahu bahawa pihak majikan akan menanggung kos rawatan di hospital swasta dan susulan itu, dia memilih untuk dipindahkan ke KPJ Klang, iaitu hospital swasta berhampiran rumahnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 33
RUANGAN : GLOBAL

SINAR HARIAN m/s 23 GLOBAL 9/1/2025 (KHAMIS)

sinarharian.com.my Harian

HMPV mula dikesan melonjak di China ketika penghujung musim sejuk

SINGAPURA

China sedang menyaksikan peningkatan jangkitan pernafasan termasuk kes *human metapneumovirus* (HMPV) yang membawa gejala seperti selesema di tengah-tengah musim sejuk di seluruh wilayah utara dengan mangsanya terdiri daripada kanak-kanak berumur bawah 14 tahun, lapor *Channel News Asia* (CNA).

Tanpa mengeluarkan angka, Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) China pada 2 Januari melaporkan peningkatan corak keseluruhan penyakit pernafasan yang direkodkan antara 23 Disember hingga 29 Disember lalu.

Katanya, ia susulan kenaikan dalam jumlah kes dilaporkan pada minggu 16 hingga 22 Disember.

Mereka turut mengumumkan usaha merintis sistem pemantauan bagi 'penyakit radang paru-paru yang tidak diketahui sumbernya' iaitu termasuk melakarkan protokol untuk makmal dan agensi-agensi kawalan penyakit mengenal pasti dan mengendalikan kes-kes itu.

Gambar dan video tular di laman media sosial China menunjukkan orang ramai berkumpul dan beratur panjang di hospital, klinik dan pusat perubatan.

CDC menambah, China berada dalam musim 'berpenyakit' berkaitan pernafasan peringkat tertinggi, sambil mengingatkan orang ramai mengambil langkah perlindungan seperti memakai pelitup muka dan mengikuti perkembangan terkininya mengenai vaksinasi dan mengamalkan kebersihan yang betul.

Apakah HMPV?

HMPV adalah penyakit berkaitan pernafasan dengan gelaja sama dengan selesema.

Ia termasuk batuk, demam, hidung tersumbat dan sesak nafas.

Dalam kes teruk ia boleh membawa

Seorang bayi memakai pelitup muka semasa memeriksa jangkitan HMPV di hospital di Hangzhou, wilayah Zhejiang, China. - AFP

Apa itu virus HMPV yang merebak di China



kepada komplikasi seperti radang paru-paru atau bronkitis.

Menurut Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) Amerika Syarikat, HMPV boleh menyebabkan penyakit pernafasan pada semua peringkat umur, terutamanya dalam kalangan kanak-kanak, orang dewasa yang lebih tua dan orang yang menghadapi masalah sistem imun lemah.

Katanya, anggaran tempoh inkubasi

bagi penyakit itu adalah antara tiga hingga enam hari.

CDC AS menambah, virus ini paling aktif semasa penghujung musim sejuk dan musim bunga dalam iklim sederhana.

Mirip penyakit pernafasan lain seperti Covid-19 dan selesema, virus HMPV merebak melalui kontak rapat dengan individu yang dijangkiti, titisan cecair daripada bersin dan batuk dan sentuhan pada objek atau permukaan yang mempunyai virus tersebut.

Mengapa kes meningkat?


Pakar penyakit berjangkit memberitahu CNA bahawa peningkatan kes di China adalah 'konsisten dengan corak global', di mana bilangannya meningkat pada penghujung musim sejuk.

Lonjakan berlaku bertepatan dengan cuaca sejuk di China selain suhu rendah dijangka berterusan sehingga Mac depan.

Setakat ini, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) belum lagi menggolongkan HMPV sebagai kecemasan kesihatan global namun beberapa negara di benua Asia di tahap berjaga-jaga dan sedang memantau jumlah kes serta menggesa orang ramai supaya berwaspada dan menjaga kebersihan.

Di Asia Tenggara, negara-negara seperti Malaysia, Kemboja dan Vietnam telah mengeluarkan makluman kesihatan awam.

Kementerian Kesihatan Malaysia melaporkan 327 kes HMPV pada 2024, iaitu kenaikan 45 peratus daripada 225 kes pada 2023.



Virus HMPV melonjak pada penghujung musim sejuk di China. - Agensi

Pada Ahad, Vietnam mengumumkan ia sedang memantau situasi di tengah-tengah penularan 'virus radang paru-paru dalam kalangan manusia' di tanah besar China. Di Singapura, HMPV sudah lama dikenal pasti.

Beza HMPV dan Covid-19

Pakar kesihatan awam telah mencatatkan perbezaan ketara antara kedua-dua virus, dengan HMPV umumnya kurang teruk dengan kadar kematian yang lebih rendah.

Bagaimanapun, HMPV berjangkit secara meluas dalam kalangan kanak-kanak kecil berbanding Covid-19. - Agensi



Seorang kanak-kanak sedang menerima rawatan di jabatan pediatrik selepas disahkan dijangkiti virus HMPV di Hangzhou, China.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 27

RUANGAN : DUNIA

BERITA HARIAN M/S 27 DUNIA 9/1/2025 (KHAMIS)

Kes jangkitan pernafasan di China lumrah musim sejuk

Geneva: Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada Selasa menjelaskan bahawa peningkatan penularan virus pernafasan, khususnya 'human metapneumovirus' (hMPV) di China, adalah sejajar dengan corak biasa musim sejuk.

Katanya, ia tidak memerlukan sebarang pengisytiharan kecemasan meskipun perkara itu mendapat perhatian ramai, lapor Agensi Anadolu (AA).

Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) China melaporkan peningkatan jangkitan pernafasan biasa, termasuk influenza bermusim, virus pernafasan sinsitium (RSV), hMPV, dan SARS-CoV-2, berdasarkan data terkini sehingga 29 Disember.

"Antara patogen yang dilaporkan oleh China CDC, influenza bermusim adalah paling kerap berlaku dan sedang meningkat," kata jurucakap WHO Margaret Harris, ketika taklimat media di Geneva.

Harris berkata, kadar ujian positif untuk influenza melebihi 30 peratus dalam kalangan individu yang mengalami gejala seperti selesema di lokasi pemantauan pada akhir Disember.

Bagaimanapun, beliau berkata: "Tahap jangkitan pernafasan yang dilaporkan di China adalah dalam julat biasa untuk musim sejuk.

"Pihak berkuasa melaporkan penggunaan hospital kini lebih rendah berbanding tempoh samā



Kanak-kanak menunggu rawatan susulan peningkatan penularan virus pernafasan di hospital Hangzhou, China, Isnin lalu. (Foto AFP)

tahun lalu dan tiada pengisytiharan atau tindak balas kecemasan dicetuskan," katanya.

Trend sama peningkatan kes influenza turut diperhatikan di Hemisfera Utara, termasuk di Asia, Eropah, Afrika dan Caribbean, sebagai sebahagian daripada Sistem Pengawasan dan Respons Influenza Global WHO, katanya.

Harris turut menyatakan bahawa 'human metapneumovirus',

yang mendapat perhatian meluas media, bukanlah virus baharu.

Ditemukan pada 2001, virus ini biasanya menyebabkan simptom pernafasan ringan seperti selesema biasa, tetapi boleh membawa kepada penyakit yang lebih serius seperti bronkitis atau pneumonia, dengan kumpulan paling berisiko adalah kanak-kanak kecil, warga emas dan individu mempunyai sistem imun yang lemah.

BERNAMA

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 34
RUANGAN : DUNIA



KANAK-KANAK mendapatkan rawatan di sebuah hospital di Hangzhou, China kelmarin. – AFP

HMPV selesema bermusim – WHO

- HMPV bukan virus baru
- + Corak jangkitan sejajar

GENEVA – Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menjelaskan bahawa peningkatan jangkitan virus pernafasan, terutamanya metapneumovirus manusia (HMPV) di China adalah sejajar dengan corak musim sejuk biasa, lapor agensi berita Anadolu.

Setakat ini, tiada pengisytiharan kecemasan di negara tersebut tengah-tengah perhatian yang semakin meningkat terhadap HMPV.

Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) China melaporkan peningkatan dalam jangkitan pernafasan biasa ter-

masuk influenza bermusim, virus sinsitium pernafasan (RSV), HMPV dan sindrom pernafasan akut teruk koronavirus 2 (SARS-CoV-2) dalam data terkininya yang meliputi sehingga 29 Disember tahun lalu.

"Antara semua patogen yang dilaporkan oleh CDC China, selesema bermusim adalah yang paling biasa dan semakin meningkat," kata jurucakap WHO, Margaret Harris pada taklimat akhbar di Geneva, Switzerland.

Harris menambah, kadar positif ujian untuk influenza melebihi 30 peratus dalam kalangan individu yang mengalami gejala seperti selesema pada akhir Disember tahun lalu.

"Pihak berkuala melaporkan bahawa penggunaan hospital pada masa ini lebih rendah ber-

banding tahun lepas daripada tiada pengisytiharan kecemasan atau tindak balas yang dicetuskan akibat HMPV," ujarnya sambil menambah, ia bukan virus baru.

Sementara itu, pegawai kesihatan India melaporkan dua kes HMPV baru, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak tujuh kes di negara itu.

Menurut pegawai, seorang kanak-kanak berusia tiga bulan disahkan positif pada Isnin lalu, manakala seorang lagi melibatkan kanak-kanak lelaki berusia lapan bulan.

Di United Kingdom, data dikongsikan oleh pihak berkuala kesihatan menunjukkan bahawa kes positif HMPV meningkat 4.5 peratus pada Disember tahun lalu dan dijangka terus melonjak dalam beberapa minggu akan datang. – AGENSI